

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JULAI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

RON95, diesel: Tiada perbincangan turun harga

RON95, diesel: Tiada perbincangan turun harga

Putrajaya: Tiada sebarang perbincangan mengenai cadangan untuk menurunkan harga runcit bahan api RON95 dan diesel buat masa ini, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

"Saya tidak pernah de-negar dan tiada sebarang perbincangan berhubung cadangan menurunkan harga RON95 dan diesel," katanya pada sidang media se-lepas Majlis Pengumuman Dapatan Survei Pendapat Dan Perbelanjaan Isi Ru-mah 2022 di sini, semalam. Rafizi berkata, langkah

menurunkan harga minyak membabitkan keputusan Kementerian Kewangan (MOF) memandangkan perkara itu melibatkan nilai subsidi.

"Sehingga sekarang iaitu tujuh bulan pelbagai per-bincangan berkaitan ekono-mi dalam kerajaan, tidak pernah sekali pun disebut mengenai cadangan menu-runkan harga bahan api."

"Mungkin MIDF Research boleh jelaskan di manakah maklumat ini diperoleh," katanya pada sidang media yang turut dihadiri oleh Ke-

tua Perangkawan, Datuk Se-ri Dr Mohd Uzir Mahidin.

* MIDF Research dalam sa-tu nota penyelidikan ming-gu ini berkata, kerajaan di-jangka mempertimbangkan untuk menurunkan harga runcit bahan api dalam jangka terdekat ini, terutama RON95 dan diesel, me-ngambil kira inflasi maka-nan yang terus meningkat, selain tekanan ke atas pen-dapatan pengguna.

Dalam notanya itu, MIDF Research menganggarkan, jika kerajaan menurunkan harga RON95 sebanyak 10

sen kepada RM1.95 seliter bulan depan, kadar inflasi utama Malaysia dijangka susut kepada 2.9 peratus bagi 2023 memandangkan inflasi bukan makanan terus menyederhana kepada 1.3 peratus, manakala inflasi pengangkutan akan me-nguncup sebanyak 1.7 pe-ratus.

Ia berkata, menjelang akhir tahun ini, pemotongan 10 sen itu akan menjadikan kadar inflasi bu-lanan lebih rendah kepada 1.9 peratus tahun ke ta-hun, bermakna bahawa

kerajaan akan mempu-nyai tambahan RM4.31 bi-lion untuk perbelanjaan fiskal, yang boleh diguna-kan untuk matlamat lain.

"Selain itu; kerajaan akan mempunyai ruang fiskal lebih baik, meman-dangkan nisbah hutang fiskal berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah susut ke-pada 59.3 peratus pada suku pertama 2023 dan me-ngambil kira liabiliti luar jangka, angka terkini ada-lah 76.1 peratus," kata-nya.